

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)**

**SOALAN**

**TUAN CHANG LIH KANG [ TANJONG MALIM ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kes kematian Low Boon Loong (750928-08-5463), no. laporan polis: BEHRANG/001072/18. Adakah mana-mana pihak yang didakwa di mahkamah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pihak polis telah menjalankan siasatan Laporan Mati Mengejut (*Sudden Death Report*) SDR ke atas kes tersebut. Bedah siasat telah dilakukan pada 4 Julai 2018 dan Pakar Perubatan Forensik mengesahkan punca kematian simati adalah disebabkan oleh penyakit *arteri koronari*.

Terdapat kesan lebam pada badan simati tetapi pihak Pakar Perubatan tidak dapat mengesahkan punca sebenar kesan lebam tersebut dan kemungkinan besar ia disebabkan oleh pergelutan antara simati dengan pihak polis semasa tangkapan.

Kertas siasatan kes berkenaan telah dirujuk kepada Pengarah Pendakwaan Negeri Perak pada 15 Julai 2019 dan setakat ini pihak polis masih menunggu arahan selanjutnya. Kementerian memberi jaminan bahawa siasatan kes telah dibuat dengan adil dan telus. Tindakan yang sewajarnya akan diambil ke atas mana-mana pihak yang terlibat jika terdapat sebarang elemen jenayah atau salahlaku dalam insiden berkenaan.